



Pematuhan Sosial Korporat

**PANDUAN AUDIT
STANDARD
PEMATUHAN
SOSIAL PEMBEKAL
SYARIKAT
KIMBERLY-CLARK
CORPORATION**





■ PENGENALAN

Selama hampir 140 tahun, orang ramai menggunakan pelbagai produk Kimberly-Clark Corporation (K-C) bagi mempertingkatkan kehidupan mereka. Kami menyediakan barangan bagi memenuhi keperluan orang ramai di serata dunia dan fokus pada memberikan masa hadapan yang lebih baik kepada semua. Kami percaya bahawa cara kami menjalankan perniagaan ini adalah sama pentingnya seperti perniagaan itu sendiri. Secara ringkasnya, cara K-C menjalankan perniagaan adalah dengan standard etika yang tinggi dan penuh integriti. Kami komited menjalankan tanggungjawab sosial melalui amalan dan hubungan dengan semua pemegang saham dan komuniti yang kami berikan khidmat, dan kami sentiasa mencari peluang perniagaan dengan pembekal yang mempunyai nilai persekitaran dan sosial yang sama.

Pembekal mempunyai peranan penting dalam memastikan kejayaan K-C dan keberkesanan tanggungjawab sosial kami. Bagi memastikan para pembekal memahami komitmen kami kepada tanggungjawab sosial, pada 2010 kami mewujudkan Standard Pematuhan Sosial Pembekal (SSCS) Sila semak semula standard itu dan pastikan syarikat anda memberikan komitmen untuk mematuhi semua syarat yang diberikan.

SSCS menggariskan harapan K-C iaitu semua pembekal langsungnya beroperasi berpandukan undang-undang alam sekitar dan pekerja dan undang-undang bidang kuasa tempatan dan negara di mana mereka beroperasi. Kesemua undang-undang ini termasuk, antara lain, menyentuh mengenai hal penganiyaan pekerja dan hak pekerja untuk memilih sama ada mereka mahu diwakili oleh pihak ketiga atau berurusan secara kolektif.

Pembekal mesti berupaya mematuhi semua syarat yang ditentukan oleh SSCS di atas permintaan K-C. Semua syarat ini adalah sebahagian daripada perjanjian di antara K-C dan pembekal langsungnya. Bagi memastikan kesemua standard ini sentiasa dipatuhi, audit formal mungkin akan diperlukan oleh K-C dan/atau pelanggan kami. Pengujian audit bagi menilai pematuhan SSCS akan dilakukan pada kesemua rangkaian pembekal kami di seluruh dunia. K-C menerima laporan audit yang lengkap dan terperinci. Juruaudit tidak akan memberikan keputusan atau tahap penilaian di lokasi kerana audit itu dibayar oleh K-C. K-C akan memastikan audit itu dilakukan sebaik mungkin sehingga memuaskan hati, dan kemudian rancangan pemulihan, penentuan, masa dan kaedah susulan akan ditentukan dan dikomunikasikan kepada pembekal.

Tambahan lagi, pembekal tertentu akan diminta untuk menyemak semula dan mengambil langkah untuk memastikan pematuhan SSCS dilakukan secara rutin dengan menghantar borang Pematuhan Deklarasi Pembekal yang lengkap kepada Kimberly-Clark (lihat muka surat 19). Menyemak semula SSCS dan memberikan respons tepat pada masa bagi pelengkapan Pematuhan Deklarasi Pembekal atau bukti alternatif adalah keperluan penting bagi meneruskan perniagaan dengan K-C.

Kami memohon supaya anda:

- Menyemak semula panduan ini.
- Memahami semua kandungan SSCS ini.
- Bekerja untuk memastikan kemudahan anda selari dengan SSCS.
- Sekiranya anda mahu maklumat lanjut, lawati laman web kami di:
<http://www.kimberly-clark.com/sustainability/people/CSC>

Kami sememangnya teruja mahu bekerjasama dengan anda dan berharap supaya anda dapat memahami dan berasa selesa dengan SSCS. Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau ingin berbincang lebih lanjut mengenai keperluan tanggungjawab sosial pembekal dengan lebih terperinci, kirimkan e-mel kepada Anthony Nguyen di kccorpsocialcompliance@kcc.com.



KANDUNGAN

STANDARD PEMATUHAN SOSIAL PEMBEKAL	3
PENGIKTIFARAN AUDIT PEMATUHAN SOSIAL LAIN	5
PEMATUHAN STANDARD TAHAP MANDATORI KAMI	6
BURUH KANAK-KANAK	6
BURUH PAKSA	7
PENGANIAYAAN PEKERJA	8
KEBEBASAN BERPERSATUAN DAN TAWAR-MENAWAR KOLEKTIF	9
DISKRIMINASI	10
KESIHATAN DAN KESELAMATAN	11
JAM KERJA, UPAH DAN MANFAAT	12
PERSEKITARAN	13
INTEGRITI PERNIAGAAN	13
Mineral Konflik	14
HARAPAN PEMEGANG SAHAM	16
PROSES AUDIT	17
TEMU DUGA PEKERJA	19
KEHILANGAN PENGELUARAN	21
SAMPEL DEKLARASI PEMATUHAN	22



■ STANDARD PEMATUHAN SOSIAL PEMBEKAL

Keperluan SSCS adalah tunggak penting kepada program kebertanggungjawapan tempat kerja di K-C. Standard ini dipacu oleh kepercayaan bahawa kewargaan korporat yang baik adalah penting bagi kejayaan perniagaan jangka panjang dan ia mesti jelas kelihatan dalam perhubungan kita dan tindakan di tempat kerja kita dan tempat kerja pihak yang dibenarkan untuk membekalkan perniagaan kami secara langsung.

Mengiktiraf bahawa terdapat perbezaan dalam undang-undang, adat, dan keadaan ekonomi yang memberi kesan kepada perniagaan di seluruh dunia, kami percaya bahawa nilai-nilai yang dikongsi perlu bertindak sebagai asas perhubungan di antara K-C dan pembekalnya. SSCS menerangkan nilai dan harapan kami dan menegaskan betapa pentingnya dasar tempat kerja yang bertanggungjawab dan amalan yang mematuhi, secara minimum, langkah keselamatan pekerjaan dan kesihatan yang berkaitan, alam sekitar dan undang-undang dan peraturan buruh yang berkuat kuasa. Standard yang disenaraikan di bawah mencerminkan nilai yang kami mahu terapkan dalam dasar kami sendiri, dan kami berharap para pembekal kami akan dapat mempraktikkan nilai ini juga.

SSCS adalah satu komponen kritikal amalan K-C bagi mempraktikkan amalan yang adil dan bermanfaat dalam pekerjaan dan komuniti yang berurusan dengan kami. Ia juga memastikan standard yang tinggi dengan semua pembekal kami. Pada 2010, kami membuat komitmen awam dan telus ini apabila kami menandatangani Perjanjian Global Bangsa-bangsa Bersatu (UNGC) Perjanjian Global Bangsa-bangsa Bersatu, ialah satu rangka kerja sukarela untuk perniagaan yang komited untuk menjajarkan operasi dan strategi mereka dengan prinsip umum dalam aspek hak manusia, pekerjaan, persekitaran dan antirasuah. SSCS adalah sejajar dengan prinsip UNGC sebagai proses berterusan bagi mengembangkan komitmen UNGC kami ke dalam rantaian bekalan kami.



Kebebasan dalam Persatuan dan Perundingan Kolektif

Menghormati hak pekerja dengan memberi kebebasan berpersatuan, menceburi aktiviti terlindung lain dan hak mengelakkan daripada kegiatan seperti itu. Di mana pekerja diwakili oleh kesatuan yang sah dari segi undang-undang, hak untuk mempunyai wakil terpilih mereka mempunyai akses yang munasabah kepada pekerja supaya dapat mewakili mereka dan tawar menawar sebaiknya dengan wakil itu.

Perlindungan Terhadap Buruh Kanak-kanak

Pembekal tidak akan mengambil pekerja berumur bawah 15 tahun. Jika undang-undang tempatan menetapkan umur minimum yang lebih rendah, tetapi masih sejajar dengan pengecualian negara membangun di bawah Konvensyen Organisasi Buruh Antarabangsa 138, umur yang lebih muda akan diguna pakai. Pembekal tidak akan mengambil pekerja kanak-kanak atau mengeksploitasi mereka dalam apa juga cara sekalipun. Jika kanak-kanak didapati bekerja secara langsung untuk pembekal, pihak pembekal perlu mencari penyelesaian sensitif dan memuaskan yang meletakkan kepentingan kanak-kanak itu sebagai prioriti pertama.

Melarang Buruh Paksaan dan Penganiayaan Pekerja

Melarang sebarang bentuk penderaan mental dan fizikal pekerja bagi tujuan disiplin dan melarang penggunaan semua buruh paksaan, termasuk buruh penjara paksa, buruh yang diikat kontrak, pekerja yang terikat atau buruh hamba dan pemerdagangan manusia yang sentiasa dikaitkan dengan penyalahgunaan sebegini.



Melarang Diskriminasi

Melarang diskriminasi dan gangguan terhadap perkara yang dilindungi secara sah dalam semua aspek pekerjaan, termasuk pencarian, pengambilan, penempatan, latihan, pampasan, rawatan dan kemajuan pekerja.

Jam Kerja, Upah dan Manfaat

Membayar pekerja yang setaraf dengan kadar industri itu dan/atau pasaran tenaga buruh tempatan. Beroperasi dalam pematuhan penuh dengan memberikan kadar upah, jam kerja dan manfaat yang disenaraikan oleh undang-undang.



Menyediakan Tempat Kerja yang Selamat dan Sihat

Berusaha untuk menyediakan tempat kerja yang terjamin, selamat dan sihat. Mengekalkan tempat kerja yang produktif dengan mematuhi semua undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerjaan, peraturan dan pengawalaturan yang berkuat kuasa serta mengurangkan risiko kemalangan, kecederaan, dan pendedahan kepada risiko kesihatan.

Melindungi Alam Sekitar

Menjalankan perniagaan dengan mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkaitan.

Integriti Perniagaan

Berusaha untuk menyediakan tempat kerja yang bebas daripada rasuah dan sogokan dengan mematuhi semua undang-undang yang berkuat kuasa berhubung dengan rasuah, pelaburan wang haram dan/atau rasuah dan juga melarang pertukaran wang atau apa-apa barangan bernilai kepada atau daripada sesiapa sahaja, termasuk pegawai kerajaan, untuk mempengaruhi tindakan atau mendapatkan suatu kelebihan yang tidak wajar.

Mineral Konflik

Pembekal akan, dengan penuh tanggungjawab, mendapatkan sumber "mineral konflik" (timah, tantalum, tungsten atau emas) dari sama ada lombong dan pelebur di luar Republik Demokratik Congo [Democratic Republic of Congo (DRC)] dan negara-negara jiran, atau lombong dan pelebur yang sudah dilantik sebagai "bebas konflik" oleh EICC-GeSI (Electronic Industry Citizenship Coalition – Global E-Sustainability Initiative) dan akan mewujudkan dan memberikan dokumentasi bukti bertulis untuk program ketekunan wajar mereka sendiri bagi memastikan rantaian bekalan "bebas konflik".



■ PENGIKTIFARAN AUDIT PEMATUHAN SOSIAL LAIN

Kami mengiktiraf bahawa kebanyakan pembekal diminta oleh pelbagai pelanggan untuk melaksanakan audit pematuhan sosial bagi menunjukkan pematuhan. K-C bersetuju untuk menyemak laporan audit bagi memastikan jika kriteria dalaman dipenuhi. Pengiktirafan bagi sesebuah laporan audit tidak menandakan bahawa sesuatu penilaian telah diluluskan. Bergantung pada hasil audit, susulan tambahan atau penilaian baharu mungkin diperlukan untuk menunjukkan bahawa isu telah diselesaikan.

Penilaian harus memenuhi kriteria berikut untuk dipertimbangkan:

1. Integriti Audit: Laporan audit yang boleh diterima adalah lengkap dan tidak disunting kecuali bagi maklumat pengeluaran sulit. Contoh audit yang kami boleh terima termasuk, tetapi tidak terhad kepada: SMETA, AIM-Progress, Disney dan Walmart.

2. Juruaudit Boleh Diterima: Penggunaan juruaudit luaran lebih disarankan kerana ini menawarkan jaminan keobjektifan.

- Firma Audit keutamaan mempunyai pentauliahan bebas. KC sering mengguna UL-STR dan Intertek, namun, firma lain juga mungkin diterima.
- Juruaudit mesti dinamakan dan pentauliahan pengauditan mesti diberitahu untuk membenarkan pengesahan

3. Proses Boleh Diterima: Proses yang digunakan oleh juruaudit untuk menentukan ketidakpatuhan berdasarkan kepada pemeriksaan visual, semakan dokumentasi dan temu ramah kakitangan sulit.

4. Liputan Audit Boleh Diterima: Apa jua audit yang diserahkan hendaklah merupakan penilaian pematuhan sosial (bukan untuk keselamatan makanan atau kualiti) yang mengesahkan pematuhan dengan undang-undang setempat yang berkenaan dengan Tenaga Kerja, Kebebasan Berpesatuan, Kesihatan dan Keselamatan, Alam Sekitar dan Integriti Perniagaan.

5. Rangka Masa Boleh Diterima: Audit yang dilaksanakan dalam masa 12 bulan yang lalu boleh diserahkan.

6. Pemulihan: Setelah sebuah laporan audit diterima, dan ia disahkan bahawa pencabulan masih berada dalam proses pemulihan, pemulihan pencabulan tersebut akan dijejak, dilaporkan dan disusulkan dalam cara yang sama seperti mana-mana audit lain bagi memastikan pematuhan yang sedang berjalan dikekalkan. Jika semua pencabulan dalam laporan audit berjaya dipulihkan, sila hantarkan bukti bagi pemulihan(-pemulihan) tersebut.



■ PEMATUHAN STANDARD TAHAP MANDATORI KAMI

Pematuhan mandatori bermaksud kemudahan mesti memastikan tiada sebarang pelanggaran dalam semua bahagian ini mengikut kepuasan K-C. Manakala pengecualian soalan Pematuhan Tidak Mandatori tidak akan menjejaskan keputusan audit pematuhan sosial tetapi ia akan digunakan untuk menggalakkan proses perundingan dengan pembekal kami, dengan fokus untuk membina keupayaan dan mengukuhkan amalan yang sejajar dengan SSCS. Dalam kebanyakan kes, Pembekal tidak perlu melaporkan rancangan pemulihan untuk pengecualian Pematuhan Tidak Mandatori tetapi walau bagaimanapun dijangkakan menggabungkan perubahan yang sesuai ke dalam proses perniagaan mereka. Rancangan pemulihan dan had masa untuk Pematuhan Tidak Mandatori adalah berbeza berdasarkan jenis kesalahan yang dilakukan.

■ BURUH KANAK-KANAK

Perjanjian Global Bangsa-bangsa Bersatu	SSCS	Keperluan
Memansuhkan pekerja kanak-kanak dengan efektif..	Pembekal tidak akan mengambil pekerja berumur bawah 15 tahun. Jika undang-undang tempatan menetapkan umur minimum yang lebih rendah, tetapi masih sejajar dengan pengecualian negara membangun di bawah Konvensyen Organisasi Buruh Antarabangsa 138, umur yang lebih muda akan diguna pakai. Pembekal tidak akan mengambil pekerja kanak-kanak atau mengeksploitasi mereka dalam apa juga cara sekalipun. Jika kanak-kanak didapati bekerja secara langsung untuk pembekal, pihak pembekal perlu mencari penyelesaian sensitif dan memuaskan yang meletakkan kepentingan kanak-kanak itu sebagai prioriti pertama.	Pematuhan sejajar dengan Konvensyen Organisasi Buruh Antarabangsa 138.

Keperluan Utama

- Umur pekerja yang diambil yang tertera dalam kontrak pekerja atau borang permohonan perlu mencapai had umur yang dibenarkan dari segi undang-undang.
- Salinan dokumen yang mengesahkan bukti had umur disediakan untuk semua kakitangan, termasuk ID berfoto.
- Prosedur tersedia untuk mengesahkan umur.
- Dokumen disediakan untuk pekerja yang dipilih secara rawak di tempat kerja.
- Pekerja juvenil tidak melakukan kerja berbahaya.

Penunjuk Jurang Prestasi

- Pekerja yang kini sudah mencapai had umur yang dibenarkan, diambil bekerja ketika mereka masih lagi di bawah umur.
- Buruh kanak-kanak diperhatikan pada hari audit.
- Buruh kanak-kanak pernah dilaporkan dan disokong oleh sekurang-kurangnya dua sumber.
- Prosedur tidak berkesan untuk mengesahkan umur.



Buruh Kanak-kanak Contoh Dapatan dan Tindakan Pembedulan			
Dapatan	Tindakan Pembedulan	Jadual yang Dicapai	Kaedah Pengesahan
Umur Bekerja Minimum: Had umur termuda pekerja tidak mematuhi keperluan undang-undang tempatan.	Pekerja mesti dihentikan serta merta dari tempat kerja dan penyelesaian sensitif dan memuaskan yang meletakkan kepentingan kanak-kanak itu sebagai prioriti pertama perlu dicari.	Serta merta	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembedulan yang sudah dilaksanakan dan audit yang mungkin menyusul.
Pengesahan Umur: Tiada tatacara berkesan bagi mengesahkan umur pekerja semasa proses pengambilan.	Pastikan terdapat satu sistem diwujudkan di tempat kerja bagi mengesahkan pekerja baharu dan sedia ada mematuhi Konvensyen Organisasi Buruh Antarabangsa 138	60 hari	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembedulan yang sudah dilaksanakan.
Kerja Berbahaya: Seorang pekerja di bawah umur 18 tahun ditemui melakukan kerja berbahaya.	Keluarkan juvenil tersebut daripada kerja berbahaya yang beliau ditugaskan dan pindahkannya ke tempat lain.	Serta merta	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembedulan yang sudah dilaksanakan dan audit yang mungkin menyusul.

BURUH PAKSA

Perjanjian Global Bangsa-bangsa Bersatu	SSCS	Keperluan
Menghentikan semua buruh paksa dan wajib.	Melarang penggunaan semua buruh paksa, termasuk buruh penjara paksa, buruh yang diikat kontrak, buruh terikat atau buruh hamba.	Pembekal tidak akan menggunakan semua buruh paksa, termasuk penjara paksa, buruh yang diikat kontrak, buruh terikat atau buruh hamba.

Keperluan Utama

- Tiada buruh paksa, penjara, kontrak, terikat atau hamba.
- Kerja dilakukan dengan sukarela.

Penunjuk Jurang Prestasi

- Bukti hamba atau buruh paksa.
- Penggunaan buruh penjara paksa.
- Pergerakan pekerja dihadkan.
- Kemudahan menyimpan pendokumenan asal pekerja dengan atau tanpa kebenaran pekerja.



Buruh Paksa: Contoh Dapatan dan Tindakan Pembedulan

Dapatan	Tindakan Pembedulan	Jadual yang Dicapai	Kaedah Pengesahan
Buruh Paksa: Sebarang bentuk penganiayaan fizikal atau mental digunakan untuk tujuan disiplin atau motivasi	Pekerja dibenarkan membuat kerja mereka tanpa sebarang ancaman penganiayaan fizikal atau mental.	Serta merta.	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembedulan yang sudah dilaksanakan dan audit yang mungkin menyusul.
Buruh Paksa: Terdapat bukti buruh penjara paksa dan/atau buruh paksaan.	Hentikan penggunaan kerja penjara paksa dan/atau buruh paksaan.	Serta merta.	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembedulan yang sudah dilaksanakan dan audit yang mungkin menyusul.
Pergerakan Bebas: Pekerja perlu menyerahkan dokumen asal seperti dokumen pengenalan diri.	Buat salinan semua dokumen itu dan pulangkan dokumen asal kepada pekerja.	Serta merta.	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembedulan yang sudah dilaksanakan dan audit yang mungkin menyusul.
Pergerakan Bebas: Pekerja dilarang meninggalkan tempat kerja walaupun selepas waktu bekerja.	Membenarkan pekerja meninggalkan kemudahan selepas tamat shift mereka.	Serta merta.	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembedulan yang sudah dilaksanakan dan audit yang mungkin menyusul.

■ PENGANIAYAAN PEKERJA

SSCS	Keperluan
Melarang sebarang bentuk penganiayaan mental dan fizikal pekerja bagi tujuan disiplin.	Pembekal akan mematuhi semua undang-undang negara dan tempatan yang berkaitan dengan penganiayaan pekerja dan tidak akan menganiaya pekerja secara fizikal.

Keperluan Utama

- Tiada bukti penganiayaan fizikal pekerja (dilaporkan atau diperhatikan)
- Tiada ancaman penganiayaan fizikal

Penunjuk Jurang Prestasi

- Melihat atau melaporkan ancaman verbal penganiayaan fizikal.
- Melihat atau melaporkan penganiayaan fizikal.

Penganiayaan Pekerja: Contoh Dapatan dan Tindakan Pembedulan

Dapatan	Tindakan Pembedulan	Jadual yang Dicapai	Kaedah Pengesahan
Penganiayaan Fizikal: Para pekerja secara fizikal dipaksa menyiapkan kerja mereka sebelum pulang.	Hentikan amalan ini serta merta.	Serta merta.	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembedulan yang sudah dilaksanakan dan audit yang mungkin menyusul.



Penganiayaan Fizikal: Penyelia menggunakan penganiayaan fizikal sebagai amalan disiplin.	Hentikan amalan ini serta merta.	Serta merta.	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembetulan yang sudah dilaksanakan dan audit yang mungkin menyusul.
--	----------------------------------	--------------	---

■ KEBEBASAN BERPERSATUAN DAN TAWAR-MENAWAR KOLEKTIF

Perjanjian Global Bangsa-bangsa Bersatu	SSCS	Keperluan
Menghormati kebebasan berserikat dan pengiktirafan hak tawar-menawar kolektif.	Menghormati hak pekerja dengan memberi kebebasan berserikat, menceburi aktiviti terlindung lain dan hak mengelakkan daripada kegiatan seperti itu. Di mana pekerja diwakili oleh kesatuan yang sah dari segi undang-undang, hak untuk mempunyai wakil terpilih mereka mempunyai akses yang munasabah kepada pekerja supaya dapat mewakili mereka dan tawar-menawar sebaiknya dengan wakil itu.	Pembekal akan mematuhi semua undang-undang negara dan tempatan yang berkaitan dengan kebebasan berserikat dan tawar-menawar kolektif.

Keperluan Utama

- Kemudahan mematuhi terma kontrak tawar-menawar kolektif.
- Pekerja bebas untuk tawar-menawar kolektif.
- Wakil pekerja dan/atau ahli kesatuan sekerja tidak didiskriminasikan atau dihukum kerana menyertai atau mempunyai hubungan dengan kesatuan sekerja atau aktiviti kesatuan sekerja mereka yang sah.
- Pekerja yang diwakili oleh kesatuan yang sah dari segi undang-undang mempunyai hak untuk wakil terpilih mereka mempunyai akses yang munasabah kepada pekerja supaya dapat mewakili mereka dan tawar-menawar dengan sebaiknya.

Penunjuk Jurang Prestasi

- Pihak pengurusan tidak menerima ataupun menolak untuk tawar-menawar dengan wakil pekerja yang dilantik sah mengikut undang-undang.
- Tidak mahu mengambil pekerja kerana penggabungan mereka.
- Pihak pengurusan tidak mematuhi terma perjanjian tawar-menawar kolektif.
- Terdapat bukti pihak pengurusan campur tangan dalam urusan pekerja yang mahu menganjurkan atau melihatkan diri dalam kesatuan secara sah dari segi undang-undang.

Kebebasan Berserikat dan Tawar-menawar Kolektif. Contoh Dapatan dan Tindakan Pembetulan			
Dapatan	Tindakan Pembetulan	Jadual yang Dicadangkan	Kaedah Pengesahan
Penggabungan Kesatuan: Pekerja dihukum kerana menyokong kesatuan atau melibatkan diri dalam aktiviti kesatuan.	Serta merta hentikan tindakan ini.	Serta merta	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembetulan yang sudah dilaksanakan.
Penggabungan Kesatuan: Pihak pengurusan memberikan rasuah	Serta merta hentikan tindakan ini.	60 hari	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembetulan yang sudah dilaksanakan.



kepada pekerja supaya tidak menyertai kesatuan.			
Perjanjian Tawar-menawar Kolektif: Pihak pengurusan enggan untuk mematuhi terma perjanjian tawar-menawar kolektif yang sudah diluluskan.	Kemudahan perlu menghormati terma perjanjian dan melakukan sesi dialog dengan wakil kesatuan bagi menyelesaikan konflik.	60 hari	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembetulan yang sudah dilaksanakan.
Perjanjian Tawar-menawar Kolektif: Pihak pengurusan enggan untuk tawar-menawar dengan pekerja.	Serta merta hentikan tindakan ini dan mulakan tawar-menawar yang adil dengan pekerja.	Serta merta	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembetulan yang sudah dilaksanakan.

■ DISKRIMINASI

Perjanjian Global Bangsa-bangsa Bersatu	SSCS	Keperluan
Tidak ada sebarang diskriminasi yang berkaitan dengan pekerjaan dan pekerja.	Melarang diskriminasi dan gangguan terhadap perkara yang dilindungi secara sah dalam semua aspek pekerjaan, termasuk pencarian, pengambilan, penempatan, latihan, pampasan, rawatan dan kemajuan pekerja.	Pembekal tidak akan mendiskriminasikan perihal kehamilan atau keupayaan untuk hamil.

Keperluan Utama

- Mengamalkan kaedah pengambilan, pembayaran dan peluang kemajuan berdasarkan kemahiran dan pengalaman pekerja.
- Diskriminasi dan gangguan terhadap perihal kehamilan adalah dilarang dalam semua aspek pekerjaan, termasuk pencarian, pengambilan, penempatan, latihan, pampasan, rawatan dan kemajuan pekerja.

Penunjuk Jurang Prestasi

- Pekerja perlu menjalani ujian kehamilan mandatori sebelum diambil bekerja sebagai syarat pengambilan pekerjaan.
- Pengagihan tugas adalah berdasarkan jantina.

Diskriminasi: Contoh Dapatan dan Tindakan Pembetulan			
Dapatan	Tindakan Pembetulan	Jadual yang Dicapai	Kaedah Pengesahan
Ujian Kehamilan: Pekerja wanita prospektif dikehendaki untuk menjalani ujian kehamilan sebelum diambil bekerja.	Buang semua syarat berdiskriminasi daripada kriteria pengambilan pekerja.	Serta merta.	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembetulan yang sudah dilaksanakan dan audit yang mungkin menyusul.



■ KESIHATAN DAN KESELAMATAN

SSCS	Keperluan
Pembekal perlu memastikan tempat kerja yang sihat dan selamat.	Pembekal perlu memastikan tempat kerja tidak mempunyai ancaman pasti atau kecederaan serius kepada pekerja.

Keperluan Utama

- Terdapat peralatan mengawal api yang berfungsi
- Tidak mengunci dan mempunyai pintu keluar kecemasan
- Pekerja mempunyai pengetahuan mengenai prosedur dan kawalan kecemasan/kebakaran.

Penunjuk Jurang Prestasi

- Pintu Keluar Kebakaran dihalang, dikunci atau tidak ditandakan dengan betul.
- Tidak ada sistem amaran atau memadam kebakaran.

Kesihatan dan Keselamatan: Contoh Dapatan dan Tindakan Pembedulan			
Dapatan	Tindakan Pembedulan	Jadual yang Dicapai	Kaedah Pengesahan
Pintu Keluar Kecemasan: Satu kemudahan telah mengunci semua pintu keluar kecemasan kecuali satu.	Tidak mengunci semua pintu keluar kecemasan.	Serta merta.	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembedulan yang sudah dilaksanakan dan audit yang mungkin menyusul.
Pintu Keluar Kecemasan: Dua pintu keluar kecemasan dihalang oleh palet penuh dengan kotak dan tidak dapat diakses.	Alihkan palet supaya pintu keluar kecemasan itu dapat diakses.	Serta merta.	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembedulan yang sudah dilaksanakan dan audit yang mungkin menyusul.
Pintu Keluar Kecemasan: Pintu membuka ke arah dalam, kemungkinan menghalang pekerja daripada keluar dengan cepat.	Pasangkan pintu yang membuka ke arah luar pada semua pintu keluar kecemasan.	60 hari.	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembedulan.
Latihan: Pekerja tidak dilatih dalam aspek prosedur kawalan kecemasan dan kebakaran yang mencukupi.	Latih pekerja dalam aspek prosedur kawalan kecemasan dan kebakaran.	Serta merta.	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembedulan yang sudah dilaksanakan dan audit yang mungkin menyusul.
Pemadam Api: Pekerja tidak menerima latihan	Berikan latihan kepada semua pekerja dari	Segera keluarkan halangan kepada mana-	Pembekal menunjukkan bukti tindakan



tentang penggunaan pemadam api. Tambahan pula, sesetengah kawasan tidak mempunyai pemadam api, yang tidak dipasangkan pada dinding atau dihalang.	setiap kawasan kerja. Pastikan bahawa bilangan pemadam api yang mencukupi tersedia, dipasang dengan betul dan tidak terhalang.	mana pemadam api dan beli pemadam api untuk semua kawasan kerja yang tidak ada, serta pastikan bahawa mereka dipasang dengan betul. Berikan latihan dalam tempoh 60 hari.	pembetulan.
---	--	---	-------------

JAM KERJA, UPAH DAN MANFAAT

SSCS	Keperluan
Membayar pekerja yang setaraf dengan kadar industri itu dan/atau pasaran tenaga buruh tempatan. Beroperasi dalam pematuhan penuh undang-undang upah, jam kerja dan manfaat yang yang berkuat kuasa.	Pembekal akan menguruskan semua ini termasuk masa kerja lebih masa dengan sukarela



Keperluan Utama

- Semua tempoh kerja lebih masa adalah secara sukarela.

Penunjuk Jurang Prestasi

- Pekerja tidak merekodkan masa kerja lebih masa.
- Gaji atau manfaat yang ditangguhkan atau ditahan bagi tujuan disiplin.
- Pekerja tidak dibayar untuk kerja lebih masa.

Upah, Jam Kerja dan Manfaat: Contoh Dapatan dan Tindakan Pembedulan

Dapatan	Tindakan Pembedulan	Jadual yang Dicapai	Kaedah Pengesahan
Lebih masa: Pekerja dipaksa kerja lebih masa	Hentikan tindakan ini dan kemukakan bukti bahawa kerja yang dilakukan lebih masa adalah secara sukarela.	Serta merta.	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembedulan yang sudah dilaksanakan.
Lebih masa: Tempoh kerja lebih masa pekerja tidak direkodkan.	Hentikan tindakan ini dan kemukakan bukti bahawa kerja yang dilakukan lebih masa adalah secara sukarela.	Serta merta.	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembedulan yang sudah dilaksanakan.



■ PERSEKITARAN

SSCS	Keperluan
Menjalankan perniagaan dengan mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkaitan.	Pembekal akan memastikan bahawa ia mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkaitan.

Keperluan Utama

- Bahan kimia diurus dengan betul.
- Tidak terdapat pelepasan atau tumpahan bahan kimia dari premis.

Penunjuk Jurang Prestasi

- Tumpahan boleh dilihat di sekeliling hartanah.
- Bahan kimia tidak disimpan atau dilabelkan dengan betul.

Persekitaran: Contoh Dapatan dan Tindakan Pembedulan			
Dapatan	Tindakan Pembedulan	Jadual yang Dicapai	Kaedah Pengesahan
• Bahan kimia tidak disimpan dengan betul	Bersihkan bahan kimia dan simpannya dengan betul.	60 Hari	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembedulan yang sudah dilaksanakan.
• Tumpahan bahan kimia boleh dilihat di atas lantai bengkel.	Bersihkan bahan kimia dan simpannya dengan betul supaya tumpahan selanjutnya tidak berlaku.	60 Hari	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembedulan yang sudah dilaksanakan.

■ INTEGRITI PERNIAGAAN

SSCS	Keperluan
Berusaha untuk menyediakan tempat kerja yang bebas daripada rasuah dan sogokan, mengekalkan tempat kerja yang produktif dengan mematuhi semua undang-undang yang berkuat kuasa berhubung dengan rasuah, pelaburan wang haram dan/atau rasuah, dan juga melarang pertukaran wang atau apa-apa barangan bernilai kepada atau daripada sesiapa sahaja, termasuk pegawai kerajaan, untuk mempengaruhi tindakan atau mendapatkan suatu kelebihan yang tidak wajar.	Pembekal akan memastikan bahawa tempat kerjanya bebas daripada rasuah dan sogokan.

Keperluan Utama

- Pembekal telah menubuhkan dasar integriti perniagaan.
- Tiada pembayaran telah dilakukan atau ditawarkan untuk mempengaruhi tindakan atau mendapatkan kelebihan yang tidak wajar bagi tujuan kepentingan sendiri.
- Pekerja dan kontraktor tidak diberikan apa-apa yang bernilai untuk mempengaruhi mereka atau sebagai balasan yang berhubung dengan sebarang perjanjian atau organisasi lain.



Penunjuk Jurang Prestasi

- Dasar integriti perniagaan tidak ditubuhkan.
- Percubaan untuk merasuah juruaudit telah dilakukan.
- Rasuah kepada pegawai kerajaan telah dijumpai.
- Pekerja dan/atau kontraktor telah diberikan hadiah dan kemudahan untuk mempengaruhi mereka.

Integriti Perniagaan: Contoh Dapatan dan Tindakan Pembetulan			
Dapatan	Tindakan Pembetulan	Jadual yang Dicapai	Kaedah Pengesahan
Rasuah: Bukti telah dijumpai bahawa seorang pekerja telah diberikan wang untuk melangkau pemeriksaan kualiti.	Jika tiada dasar dan prosedur sudah wujud untuk melarang aktiviti ini, segera bangunkannya dan hentikan aktiviti tersebut.	Serta merta	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembetulan yang sudah dilaksanakan.
Dasar: Pembekal memberikan produk kepada pegawai kerajaan sebagai "tanda penghargaan" untuk pembekalan perkhidmatan yang menyalahi undang-undang.	Jika tiada dasar dan prosedur sudah wujud untuk melarang aktiviti ini, segera bangunkannya dan hentikan aktiviti tersebut.	Serta merta	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembetulan yang sudah dilaksanakan.

■ Mineral Konflik

SSCS	Keperluan
Dengan penuh tanggungjawab, mendapatkan sumber "mineral konflik" (timah, tantalum, tungsten atau emas) dari sama ada lombong dan pelebur di luar Republik Demokratik Congo [Democratic Republic of Congo (DRC)] dan negara-negara jiran, atau lombong dan pelebur yang sudah dilantik sebagai "bebas konflik" oleh EICC-GeSI (Electronic Industry Citizenship Coalition – Global E- Sustainability Initiative) dan akan mewujudkan dan memberikan dokumentasi bukti bertulis untuk program ketekunan wajar mereka sendiri bagi memastikan rantai bekalan "bebas konflik".	Pembekal akan memastikan "mineral konflik", dengan penuh tanggungjawab, diperolehi daripada sumber negara atau lombong dan pelebur "bebas konflik" dan mesti segera memaklumkan K-C jika ada sebarang mineral konflik yang dimasukkan ke dalam komponen, bahagian atau bahan yang dijual atau disediakan kepada Kimberly-Clark yang tidak memenuhi syarat-syarat ini.

Syarat Utama

- Pembekal sudah mewujudkan program ketekunan wajar untuk memastikan rantai bekalan "bebas konflik".
- Memberikan bukti bertulis yang mengatakan rantai bekalan "bebas konflik".
- Dengan penuh tanggungjawab, memperolehi "mineral konflik" daripada negara, atau lombong dan pelebur "bebas konflik".

Penunjuk Jurang Prestasi

- Tiada program ketekunan wajar untuk memastikan rantai bekalan "bebas konflik".
- "Mineral konflik" diperolehi daripada negara, atau lombong dan pelebur "tidak bebas konflik".



Mineral Konflik Contoh Dapatan dan Tindakan Pembetulan

Dapatan	Tindakan Pembetulan	Jadual yang Dicapai	Kaedah Pengesahan
Bukti yang "mineral konflik" diperolehi daripada sumber lombong yang "tidak bebas konflik".	Sekiranya tiada dasar dan prosedur yang diguna pakai, segera mewujudkan program ketekunan wajar dan memaklumkan K-C yang "mineral konflik" diperolehi daripada sumber lombong yang "tidak bebas konflik".	Serta merta	Pembekal menunjukkan bukti tindakan pembetulan yang sudah dilaksanakan.



■ HARAPAN PEMEGANG SAHAM

SSCS membantu K-C menjajarkan rantai bekalan dengan nilai kita dan pada masa yang sama menunjukkan komitmen untuk memperoleh rantai bekalan yang mencapai jangkaan pemegang saham. Pelbagai pemegang saham mengharapkan K-C mempunyai standard di tempat kerja yang memenuhi atau melebihi syarat undang-undang tempatan dan ia turut dipraktikkan dalam rantai bekalan kami. Pemegang saham ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- Pekerja kami
- Pemegang saham kami
- Pengguna produk kami
- Pelanggan perniagaan kami
- Organisasi bukan kerajaan
- Pembekal Kami



Satu faktor utama dalam usaha untuk terus mencapai kejayaan adalah memelihara amalan tempat kerja yang bertanggungjawab dalam organisasi kami, yang bererti kita mesti bertanggungjawab atas segala tindakan dan amalan kita, sama ada ia berlaku di kemudahan milik syarikat, atau dengan pembekal langsung. Kebertanggungjawaban ini adalah salah satu sebab penting mengapa pembekal K-C mesti beroperasi dengan mematuhi SSCS.

MANFAAT AUDIT TEMPAT KERJA

Pembekal sering bertanya bagaimana audit tempat kerja memberi manfaat kepada mereka. Pembekal akan memperoleh pelbagai manfaat daripada proses audit. Audit dapat membantu dari segi:

Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja

- Akan membantu untuk memastikan amalan keselamatan dan pengendalian.

Pemulihan

- Menerima bimbingan profesional mengenai pemulihan sebarang dapatan.

Undang-undang Tempatan

- Membantu mengenal pasti tindakan pembedahan yang berkaitan untuk mengelakkan risiko yang berkaitan dengan melanggar undang-undang sekiranya pemastian dibuat bahawa kemudahan anda tidak beroperasi mengikut undang-undang tempatan.

Persekitaran Kerja Yang Lebih Baik

- Mempertingkatkan kecekapan pengendalian dan produktiviti pekerja dengan memahami cara mencipta persekitaran pekerjaan yang lebih baik dan melaksanakan perubahan yang disarankan.

Sumber Pilihan

- Menjajarkan prestasi dengan visi dan nilai K-C untuk rangkaian bekalan, dan dengan itu mempertingkatkan peluang untuk menjadi sumber pilihan.



■ PROSES AUDIT

Ujian Audit untuk menilai pematuhan SSCS dilaksanakan kepada kesemua rangkaian bekalan di seluruh dunia. Berikut ialah garis panduan umum proses audit SSCS yang perlu dipatuhi sekiranya anda dipilih untuk diaudit. Audit yang sebenar mungkin atau mungkin tidak mengikut aturan ini, bagaimanapun dalam kebanyakan kes, kesemua langkah yang ditunjukkan di bawah dilengkapkan semasa proses audit. Sekiranya langkah atau dokumen selanjutnya diperlukan bagi menyokong proses memahami situasi kemudahan sepenuhnya, penyedia perkhidmatan audit mungkin akan meminta maklumat tambahan daripada kemudahan. Kerjasama penuh anda amat dihargai untuk menyokong proses audit yang lancar dan bermanfaat.

ARAHAN PERSEDIAAN:

- **Baca Paket Maklumat PraAudit.** Sebelum proses audit anda dimulakan, penyedia perkhidmatan pihak ketiga akan menghantar paket maklumat kepada anda, yang mengandungi maklumat tertentu tentang langkah persediaan untuk hari audit. Amat penting bahawa anda membaca dokumen ini dengan teliti dan memahami semua kandungannya bagi memastikan semua persediaan dibuat. Paket maklumat ini akan mengandungi borang permohonan yang perlu diisi lengkap dan dipulangkan semula kepada perkhidmatan.
- **Pilih Hari Operasi Biasa.** Kemudahan perlu beroperasi pada hari audit bagi membolehkan proses audit itu dijalankan, dan lebih baik sekiranya kemudahan itu menghasilkan produk yang dibekalkan kepada Syarikat.
- **Pastikan Terdapat Seseorang daripada Pengurusan Kanan** Individu ini perlu mempunyai banyak pengetahuan mengenai operasi kemudahan dan kuasa untuk memenuhi permintaan penyedia perkhidmatan audit dan memberi respons yang tepat bagi pihak pengurusan pemilik kemudahan.
- **Pastikan Terdapat Pengurus Sumber Manusia** Individu ini perlu menjawab beberapa soalan berkaitan amalan pengambilan pekerja.
- **Pastikan Terdapat Sampel Wakilan Pekerja.** Juruaudit akan mengendalikan sesi temu duga peribadi.
- **Maklumkan Sekuriti Terlebih Dahulu** Penilai akan tiba di kemudahan dan memberikan kad perniagaan dan rencana pengenalan mereka semasa masuk. Pastikan anda memberitahu pengawal keselamatan terlebih dahulu mengenai lawatan mereka ini.

Audit akan dilakukan oleh sehingga dua juruaudit dan kebiasaannya ia mengambil masa satu hingga dua hari bekerja penuh. Pasukan audit akan merangkumi penutur asli yang fasih (selalunya fasih dalam lebih daripada satu dialek) dan pembaca bahasa di negara pembuatan. Juruaudit akan mengadakan mesyuarat pembukaan dengan wakil pengurusan kemudahan yang dilantik dan diberikan kuasa, pengurus pengeluaran dan kakitangan, dan mana-mana pengurus lain yang anda mahukan hadir. Semasa mesyuarat ini, Juruaudit akan menerangkan mengenai format audit. Tidak ada pihak lain yang tidak berkaitan akan hadir semasa sesi audit ini.

Ambil perhatian bahawa tenaga kerja yang bukan pekerja tetap anda mungkin akan terlibat dalam proses audit, jadi anda perlu memberitahu mana-mana agensi yang menyediakan pekerja tersebut mengenai keperluan yang disediakan di dalam paket pembekal yang anda terima sebelum audit. Pekerja Bukan Kakitangan anda ditakrifkan sebagai pekerja syarikat ^{pihak ketiga} yang memberikan perkhidmatan tenaga kerja kepada kemudahan (contohnya Pekerja Pengeluaran Sementara/Bermusim, Pengawal Keselamatan, Penjaga Bangunan, Kantin) Sekiranya Pekerja Bukan Kakitangan diambil bekerja di kemudahan, penyedia perkhidmatan akan meminta nombor telefon agensi dan nombor telefon setiap tenaga kerja itu dari setiap agensi.



Mesyuarat Pembukaan

- Pengenalan.
- Kajian semula tatacara audit hendaklah dilaksanakan dan tempoh masa pemeriksaan bagi setiap bahagian.
- Penyelarasan kakitangan pengurusan dan kemudahan diperlukan untuk audit.

Lawatan Kemudahan

- Lawatan ke kemudahan asrama dan bilik makan, jika disediakan.

Temu Ramah Pekerja

- Pemilihan dan temu ramah pekerja (25% daripada jumlah keseluruhan pekerja sehingga 25 orang pekerja).

Kajian Semula Rekod

Berikut ialah senarai dokumen yang anda harus sediakan bagi semakan juruaudit.

- Rekod Senarai Gaji (3 bulan yang lalu)
- Kad waktu/Rekod kehadiran (3 bulan yang lalu) (jika berkenaan)
- Rekod Kakitangan
- Pendokumenan/pengelesen umur seperti salinan ID
- Pendaftaran pekerja muda dan pemeriksaan kesihatan (jika ada)
- Kontrak pengambilan kerja/tenaga kerja
- Perjanjian pekerja agensi (jika ada)
- Permit kerja pekerja asing dan surat kebenaran dari kerajaan (jika berkenaan)
- Perjanjian tawar-menawar kolektif (jika ada)
- Pemeriksaan atau sijil keselamatan kebakaran bagi bangunan kemudahan/bilik asrama
- Rekod latihan kebakaran
- Peraturan kemudahan atau buku panduan pekerja, yang berkenaan dengan bidang berikut:
 - Dasar Perekrutan
 - Prosedur Disiplin
- Susun atur/rancangan pemindahan bangunan kemudahan
- Penepian khas dari kerajaan setempat seperti penepian untuk pemanjangan kerja lebih masa di China
- Program kesihatan dan keselamatan serta rekod latihan
- Rekod kemalangan/kecederaan berkaitan dengan kerja
- Sijil persekitaran (jika berkenaan)
- Dokumen lain, tertakluk kepada keadaan sebenar sewaktu audit dijalankan dan jika kemudahan di kawasan khusus tersebut ditutup

Pelengkapan

- Apabila laporan audit sudah lengkap, ia akan dikongsi dengan K-C. Juruaudit tidak akan memberikan keputusan atau penarafan di lokasi kerana audit itu dibayar oleh K-C. K-C akan memastikan audit itu dilakukan sebaik mungkin sehingga memuaskan hati, dan kemudian rancangan pemulihan, penentuan, masa dan kaedah susulan akan ditentukan dan dikomunikasikan kepada pembekal.



■ TEMU DUGA PEKERJA

Kesemua penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang mengendalikan audit pembekal kepada K-C memerlukan penilai mereka menjalani latihan intensif berkaitan dengan temu duga pekerja. Juruaudit yang mengendalikan temu duga khasnya untuk menyokong bukti dokumentari yang diperoleh semasa audit. Mereka hanya akan bertanyakan soalan terbuka dan objektif

Proses Pemilihan Pekerja

- Penglibatan pekerja dalam sesi temu duga adalah secara sukarela sahaja dan atas budi bicara pekerja itu.
- Pekerja dari pelbagai stesen kerja akan dipilih semasa lawatan di kemudahan dan daripada kaedah pemilihan pensampelan rawak rekod kakitangan.
- Semua sesi temu duga mungkin akan dikendalikan di stesen kerja di lantai pengeluaran jika pihak pengurusan tiada di sana dan jika tiada siapa dapat mendengar sesi perbincangan itu.
- Semua temu duga mesti dilakukan di lokasi tertutup tanpa kehadiran pihak pengurusan.
- Semua nota temu duga akan dimusnahkan di lokasi jauh dari kemudahan.
- Nota – Sebarang isu disiplin yang berkaitan dengan penyertaan pekerja atau tanpa penyertaan dalam proses temu duga itu, akan menghasilkan dapatan audit yang negatif.





KATEGORI SOALAN YANG MUNGKIN AKAN DITANYA:

Buruh Paksa

Soalan mungkin ditanya untuk menentukan bagaimana pekerja diterima bekerja dan sama ada kerja lebih masa adalah secara sukarela atau komunikasi semasa bekerja sekiranya mandatori.

Buruh Kanak-kanak

Soalan akan ditanya untuk mengesahkan umur dan mengenal pasti sekiranya kanak-kanak pernah ada di lokasi.

Penganiayaan Buruh

Soalan akan ditanya bagi mengenal pasti sekiranya pekerja ada atau pernah dianiayai.

Diskriminasi

Soalan terbuka dan objektif mungkin akan ditanya bagi mengenal pasti sekiranya ada isu yang berkaitan dengan diskriminasi.

Kebebasan Berpersatuan/Tawar Menawar Kolektif

Soalan terbuka dan objektif akan ditanya bagi menentukan sama ada persekitaran tempat kerja di kilang mempunyai ruang yang cukup untuk sesi perbincangan isu pada umumnya, termasuk keupayaan pekerja menyertai mana-mana organisasi yang mereka mungkin mempunyai minat, sama ada di dalam atau di luar tempat kerja.

Integriti Perniagaan

Soalan objektif yang tidak mempengaruhi pendapat akan ditanya untuk menentukan jika rasuah dan sogokan berlaku di tempat kerja.



■ KEHILANGAN PENGELUARAN

K-C komited untuk bekerja bersama-sama dengan Pembekal. Namun, sekali-sekala, ia perlu untuk menolak pembekal dan hentikan pengeluaran. Kerugian pengeluaran mungkin terhasil apabila pembekal gagal menjamin bahawa kemudahan mematuhi keperluan Program Pematuhan Sosial Korporat.

Kehilangan pengeluaran mungkin terhasil akibat daripada:

- Pengenalpastian Pencabulan Pematuhan Mandatori yang tidak dipulihkan dalam tempoh waktu yang dibenarkan.
- Dua percubaan untuk mengaudit di mana juruaudit dihalang sama sekali atau diberikan kurang capaian kepada kemudahan terbabit, pekerjaannya untuk ditemu ramah secara peribadi dan/atau rekodnya. PERHATIAN: Sebarang **yuran yang ditanggung disebabkan oleh capaian yang ditolak ke kemudahan, temu ramah peribadi dan/atau rekodnya** akan menjadi tanggungjawab pembekal.
- Jika juruaudit dihalang untuk mencapai apa jua perkara, penyelesaian mesti dilaksanakan dalam tempoh 24 jam, yang mungkin merangkumi pencapaian penuh ke kemudahan dalam waktu 24 jam.
- Audit K-C (dari mana-mana sumber) menjumpai rasuah atau pengaruh yang tidak wajar.
- Berbagai pembatalan bagi sebuah audit.

Jika pengeluaran bagi produk K-C telah ditarik, kemudahan boleh meminta untuk layak diberikan kembali kedudukannya selepas 12 bulan.

